

## Memorandum

No. Ruj : USM. 20/3 Jld. XXXI

Tarikh : 12 Ogos 2024

Kepada : Semua Staf Penerima Pakaian Seragam Rasmi Universiti  
Kampus Induk/Kampus Kejuruteraan/Kampus Kesihatan/Hospital

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel : 04-6533888  
www.usm.my

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 58 TAHUN 2024

#### - PERINGATAN PEMAKAIAN KASUT KULIT HITAM, KASUT KESELAMATAN (*SAFETY SHOES*) DAN PAKAIAN SERAGAM RASMI SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan telah sedia maklum '**Bayaran Bantuan Upah Jahit**' dan '**Bayaran Kemudahan Bekalan Kasut**' telah pun dibayar pada 3 April 2024 kepada staf-staf Universiti yang layak berdasarkan skim jawatan tertentu yang diluluskan Universiti.

3. Sehubungan itu, selaras dengan Peraturan-peraturan Kerajaan dan Universiti yang berkaitan dengan pemakaian pakaian seragam yang sedang berkuat kuasa (**LAMPIRAN A**), staf-staf Universiti yang menerima kemudahan pakaian seragam ini hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :-

- (a) Menggunakan peruntukan '**Bayaran Bantuan Upah Jahit**' bagi membuat Pakaian Seragam Umum dan Pakaian Seragam Paramedik mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan **wajib memakainya pada setiap hari bekerja atau/dan semasa menjalankan tugas rasmi.**
- (b) Menggunakan peruntukan '**Bayaran Kemudahan Bekalan Kasut**' yang telah diberikan untuk membeli kasut kulit hitam atau kasut keselamatan (*safety shoes*) yang memenuhi reka bentuk dan spesifikasi yang ditetapkan Universiti dan **wajib memakainya pada setiap hari bekerja atau/dan semasa menjalankan tugas rasmi.**

4. Dalam hal ini, pihak Universiti boleh mengambil apa-apa tindakan yang sesuai dan perlu yang selaras dengan peraturan-peraturan berkaitan ke atas mana-mana staf yang telah menerima '**Bayaran Bantuan Upah Jahit**' atau/dan '**Bayaran Kemudahan Bekalan Kasut**' tetapi gagal mematuhi perkara 3(a) dan 3(b) di atas.


5. Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN MOHD SHARIFF)

Pendaftar

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 58 TAHUN 2024**

**- PERINGATAN PEMAKAIAN KASUT KULIT HITAM, KASUT KESELAMATAN (SAFETY SHOES) DAN PAKAIAN SERAGAM RASMI SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI**

---

s.k. Naib Canselor

Timbalan Pendaftar Kanan  
Jabatan Pendaftar  
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan  
Hospital USM

Timbalan Pendaftar  
Kampus Kejuruteraan

Presiden  
Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

- Mohon kerjasama pihak KKAUSM untuk memanjangkan hebahan ini kepada ahli-ahli KKAUSM

**Peraturan-Peraturan Kerajaan dan Universiti – Pemakaian Pakaian Seragam**

1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 : Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi Bagi Pegawai-pegawai Awam
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990 : Peraturan Bekalan Pakaian Seragam
3. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995 : Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam
4. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2014 : Bantuan Upah Jahit
5. Memorandum Habahan Pendaftar Tahun 2008 : Panduan Pakaian Semasa Bekerja Dan Pemakaian Pakaian Seragam
6. Buku Panduan Pembekalan Pakaian Seragam Dan Alat Lindung Diri Kepada Staf USM
7. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 2.3 : Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan Dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam